

Indeks Pembelian Pengurus China Susut Kepada 48.5 Peratus Pada Februari, Kata HSBC Bernama 3 Mac, 2014

BEIJING, 3 Mac (Bernama) -- Sektor perkilangan China mencatat kemerosotan sederhana selepas Indeks Pembelian Pengurus (PMI) pada Februari susut kepada 48.5 peratus berbanding 49.5 peratus pada Januari.

Data Februari itu juga merupakan penguncupan pertama dalam pengeluaran dan tempahan baharu keluaran perkilangan China sejak Julai 2013.

Urus niaga baharu dari luar negara juga berkurangan sejak Januari berikutan banyak kilang menghentikan operasi sempena Tahun Baharu China, demikian menurut tinjauan awal PMI perkilangan yang dikeluarkan oleh HSBC Isnin.

PMI ke atas 50 mata menandakan perluasan dalam sektor perkilangan manakala paras ke bawah menunjukkan kemerosotan.

"Sudah ada tanda-tanda jelas bahawa risiko pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mungkin berkurangan.

"Keadaan ini memerlukan langkah memperbetulkan dasar untuk memantapkan unjuran pasaran dan mengukuhkan rentak pertumbuhan pada suku akan datang," kata Ketua Pakar Ekonomi HSBC, Qu Hongbin dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Laporan HSBC itu meliputi lebih daripada 420 syarikat perkilangan di China.

Data rasmi China pada Sabtu menunjukkan kegiatan kilang merosot kepada 50.2 peratus pada Februari daripada 50.5 pada Januari.

Sementara itu, Perdana Menteri China Li Keqiang dijangka mengumumkan sasaran KDNK yang menurut penganalisis disasarkan pada 7 hingga 7.5 peratus, Rabu ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018780>